

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 3

### Prihatin nasib rakyat

# Prihatin nasib rakyat

Agong mahu Majlis Tindakan Sara Hidup Negara diperkasa

KUALA LUMPUR

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menyambut baik matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi melalui usaha pemerkaasan peranan sektor swasta serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana selain menangani isu inflasi dan kos sara hidup rakyat.

"Bagi menyokong usaha tersebut, penyediaan infrastruktur dan akses kepada perkhidmatan digital perlu terus diperlakukan selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional tahun 2030," titah Al-Sultan Abdullah di Dewan Rakyat pada Isnin.

Seri Paduka bertitah, kerajaan juga sentiasa prihatin akan nasib rakyat akibat kenaikan kadar inflasi global, kelemahan mata wang ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat serta fasa pemulihan pascapandemik Covid-19.

"Dalam hal ini, kerajaan akan terus mengambil langkah untuk meringankan beban dalam kalangan penternak, petani dan pengeluar makanan susulan peningkatan kos pengeluaran yang berterusan agar kelangsungan pengeluaran makanan negara berada pada tahap optimum dan aspek keterjaminan makanan negara kekal pada tahap terbaik," titah Seri Paduka.

Al-Sultan Abdullah turut bertitah meng-



Al-Sultan Abdullah dan ahli-ahli Parlimen bertafakur memperingati mangsa tragedi Batang Kali dan gempa bumi Turkiye di Dewan Rakyat pada Isnin.

ingatkan agar ekosistem industri juga hendaklah sentiasa dikawal selia dan ditambah baik seiring dengan perkembangan semasa.

Seri Paduka bertitah, program pembangunan sosioekonomi seperti agenda pemerkaasan ekonomi, pen-digitalan dan penerimaguana teknologi, keusahawanan serta pembangunan modal insan amat perlu bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi.

Al-Sultan Abdullah turut bertitah, pada masa sama, kerajaan hendaklah meneruskan usaha memerangi kemiskinan tegar melalui program pembasmian kemiskinan tegar bagi mencapai sasaran kemiskinan tegar sifar pada 2025.

"Ini amatlah bertepatan dengan indikator matlamat pembangunan mampan yang pertama iaitu kemiskinan sifar bagi memastikan

tahap kemiskinan tegar bertambah baik.

"Industri yang strategik dan ber-impak tinggi seperti teknologi hijau dan kenderaan elektrik perlu terus diteroka bagi mencipta aliran pendapatan negara yang baru," titah Al-Sultan Abdullah.

Yang di-Pertuan Agong bertitah, Malaysia turut tidak terlepas daripada menghadapi inflasi serta peningkatan kos sara hidup seperti kebanyakan negara lain.

"Bagi mendepani permasalahan ini, beta mengalu-alukan usaha untuk memperkasa fungsi Majlis Tindakan Sara Hidup Negara.

"Majlis Tindakan Sara Hidup Negara akan diperkasa dengan menerap dan meningkatkan pendekatan secara menyeluruh kekuatan negara melibatkan pengeluar, pe-niaga, pengguna dan semua agensi keraja-an," titah Seri Paduka. - Bernama

